



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil
Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan
Jalan, Parit dan Bangunan
(Majis Perbandaran Pengerang)
2023**

***Street, Drainage and Building
Compounding of Offences
(Pengerang Municipal Council)
2023***


Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / <i>By-Laws</i>
Nombor Sumber Kuasa	UUK 10
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 44 / 2023
Tarikh Warta	31 Ogos 2023
Tarikh Berkuat Kuasa	31 Ogos 2023



UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Dijau Utama, 81030 Bandar Penawar, JOHOR

07-886 2892 | 07-886 2896 | legalunit@mppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 35

31hb Ogos 2023

*TAMBAHAN No. 13
PERUNDANGAN*

J. P.U. 44.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN JALAN, PARIT
DAN BANGUNAN (MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2023**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun
4. Pengkompaunan kesalahan
5. Penyampaian notis kesalahan dan tawaran mengkompaun kesalahan
6. Amaun kompaun
7. Pembayaran kompaun
8. Pendakwaan
9. Borang bagi notis kesalahan dan tawaran mengkompaun kesalahan

JADUAL

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 (xxviii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Majlis Perbandaran Pengerang membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-kesalahan Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Perbandaran Pengerang) 2023**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Pengerang.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“pemindahan wang secara elektronik” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun

3. Kesalahan yang berikut boleh dikompaun oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua:

(a) seksyen 29, 30, 46, 52, 56, 57, 80, 100, subseksyen 4(3), 9(7), 9(9), 16(3), 17(4), 31(2), 34(3), 38(2), 39 (1)(2), 40(2), 41(3), 42(3), 43(2), 47(1)(2), 55(1), 58(4), 59(3), 72(4), 76(2), 78(2), 79(4), 82 (3)(5) 84(2), 85(3), 87(5) dan 104(3) Akta dan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu;

(b) subseksyen 73(1) dan 73(2) Akta;

- (c) seksyen 71, subseksyen 70(11)(12)(13), 70A(9), 70B(15) dan 85A(13) Akta; dan
- (d) mana-mana peruntukan kesalahan di bawah Akta selain daripada di perenggan (a), (b) dan (c).

Pengkompaunan kesalahan

4. (1) Setelah menerima maklumat atau aduan bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan, mana-mana orang yang disebut dalam undang-undang kecil 3 hendaklah mengeluarkan suatu notis untuk mengkompaun kesalahan tersebut dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah selama empat belas (14) hari, dan sekiranya bayaran penuh jumlah wang yang ditawarkan dibuat pada atau sebelum tarikh luput, tiada prosiding selanjutnya akan dikenakan ke atas orang yang melakukan kesalahan itu. Sekiranya tiada pembayaran dibuat selepas tarikh luput, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Penyampaian notis kesalahan dan tawaran mengkompaun kesalahan

5. Penyampaian suatu notis kesalahan dan tawaran mengkompaun kesalahan boleh dibuat oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa-

- (a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya di tempat kediamannya yang akhir diketahui kepada seorang yang dewasa atau ahli keluarganya yang dewasa;
- (b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang biasa atau yang akhir diketahui dalam satu sampul yang dialamatkan kepada orang itu;
- (c) dengan menghantarnya dengan pos dalam suatu surat yang telah dijelaskan bayaran posnya yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediaman atau perniagaannya yang biasa atau yang akhir diketahui; atau
- (d) dengan menampalnya di mana-mana bahagian premis atau apa-apa benda atau kenderaan yang berkaitan kesalahan itu dilakukan yang mudah dilihat.

Amaun kompaun

6. (1) Amaun bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 29, 30, 46, 52, 56, 57, 80, 100, subseksyen 4(3), 9(7), 9(9), 16(3), 17(4), 31(2), 34(3), 38(2), 39 (1)(2), 40(2), 41(3), 42(3), 43(2), 47(1)(2), 55(1), 58(4), 59(3), 72(4), 76(2), 78(2), 79(4), 82 (3)(5) 84(2), 85(3), 87(5) dan 104(3) Akta dan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu hendaklah tidak melebihi jumlah yang sama dengan lima puluh peratus (50%) daripada amaun maksima denda yang mana kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Amaun bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah subseksyen 73(1) dan 73(2) Akta hendaklah tidak kurang RM1,000.00 dan tidak melebihi RM5,000.00.

(3) Amaun bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 71, subseksyen 70(11)(12)(13), 70A (9), 70B(15) dan 85A(13) Akta hendaklah tidak kurang RM1,000.00 dan tidak melebihi RM10,000.00.

(4) Amaun bagi mengkompaun mana-mana peruntukan kesalahan di bawah Akta selain daripada di perenggan (a), (b) dan (c) hendaklah tidak melebihi RM2,000.00.

Pembayaran kompaun

7. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan dibuat dan disetuju terima, pembayaran boleh dibuat secara:

- (a) tunai;
- (b) kiriman wang atau kiriman pos;
- (c) pesanan juruwang, pesanan bank, draf bank atau cek dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”; atau
- (d) kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik;

dibayar kepada Majlis Perbandaran Pengerang di atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

(2) Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada juruwang di mana-mana kaunter pembayaran Majlis atau di mana-mana tempat yang dinyatakan oleh Majlis dari semasa ke semasa tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ia hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

(3) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis dan satu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

Pendakwaan

8. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Borang bagi notis kesalahan dan tawaran mengkompaun kesalahan

9. Borang dalam Jadual di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah digunakan bagi membuat suatu notis kesalahan dan tawaran mengkompaun kesalahan tetapi boleh diubah suai sebagaimana yang perlu.

JADUAL

[Undang-undang kecil 9]

TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

No. Pegawai/Nama Pegawai No.:

Kepada:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

No. Pendaftaran Syarikat: Waktu Kesalahan:

Tarikh Kesalahan:

Tempat Kesalahan:

Dengan ini diberitahu tuan/puan telah dilaporkan dengan kesalahan seperti yang bertanda (X) di bawah:

Butir-butir Kesalahan	Peruntukan Undang-Undang	Kadar Kompaun (RM)
1. <input type="checkbox"/>
2. <input type="checkbox"/>
3. <input type="checkbox"/>
4. <input type="checkbox"/>
5. <input type="checkbox"/>
6. <input type="checkbox"/>
Kesalahan Lain (Nyatakan)		

Tandatangan Pengadu:

b.p. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Perbandaran Pengerang) 2023, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan/kesalahan-kesalahan ini dengan bayaran RM Jika tuan/puan menerima tawaran ini, sila jelaskan bayaran tersebut di PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG.

2. Tawaran mengkompaun kesalahan ini berkuat kuasa selama empat belas (14) hari sahaja daripada tarikh notis ini dikeluarkan. Jika jawapan tidak diterima dalam tempoh itu, tindakan mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa notis lagi.

Tarikh

Tandatangan

*Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang*

PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pengerang

Saya merujuk kepada Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan di bawah rujukan no. dan bertarikh
..... Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini *wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank/cek no. bagi sebanyak RM bagi pembayaran penuh kompaun itu.

Tandatangan :

Nama :

Alamat :

Tarikh :

*Sila potong yang mana tidak berkenaan.

PENERANGAN

1. Bayaran boleh dibuat di pejabat Majlis Perbandaran Pengerang beralamat di:

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG
NO. 7, JALAN KEMPAS 1,
TAMAN DESARU UTAMA,
81930 BANDAR PENAWAR, JOHOR
TEL.: 07-886 2692
FAKS: 07-886 2656

2. Waktu bayaran:

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 5.00 petang

Khamis : 8.00 pagi - 3.30 petang

Jumaat & Sabtu : Tutup

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dengan cara:

(a) tunai;

(b) kiriman wang atau kiriman pos;

(c) pesanan juruwang, pesanan bank, draf bank atau cek dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja"; atau

(d) kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik;

yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis di atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan apabila dibayar.

4. Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada juruwang di mana-mana kaunter pembayaran Majlis atau di mana-mana tempat yang dinyatakan oleh Majlis dari semasa ke semasa tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ia hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

5. Segala pembayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan RINGGIT MALAYSIA sahaja.

6. Notis kesalahan ini hendaklah disertakan apabila membuat bayaran.

Bertarikh

[Bil. (05)dlm.MPP.UU.100-1/1/26]

[SUKJ.KT.24/68/3 Jld. 2(32); PPUUNJ.600-1/2/110(2)]

HAJAH ZIHAN BINTI ISMAIL
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

Disahkan 28 Jun 2023
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 1383/2023]

MOHD. FARID BIN KASSIM
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor